

Headline	16 jemaah haji meninggal dunia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,094



# 16 jemaah haji meninggal dunia

**Alor Setar:** Seramai 16 jemaah haji Malaysia meninggal dunia di tanah suci kerana masalah kesihatan ketika mengerjakan rukun Islam kelima itu.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata segala urusan pengebumian dan sijil kematian diuruskan Tabung Haji dan dihantar kepada waris di negara ini.

"Petugas Tabung Haji yang berada di Makkah akan memaklumkan kepada saya sekiranya ada jemaah haji kita yang meninggal di sana supaya kita dapat memaklumkan kepada waris," katanya selepas melawat keluarga seorang jemaah yang meninggal dunia di Makkah, di Kampung

Pokok Pauh Dalam, Pokok Sena dekat sini, semalam.

Abdul Azeez menziarahi keluarga Allawayarham Jasin Taib, 73, yang meninggal dunia di Hospital King Abdulaziz di Jeddah, Isnin lalu akibat sakit tua.

**Serah khairat kematian**  
Rombongan Tabung Haji turut menyampaikan bantuan khairat kematian kepada anak sulung Allawayarham, Ghazali, 52.

Abdul Azeez berkata, Allawayarham adalah jemaah ke-15 yang meninggal dunia di Makkah dan jenazah disemadikan di tanah perkuburan Syara'ik di Makkah.

Katanya, isteri arwah, Siti Aminah Abau, 70, dan anak bongsu mereka, Abdul Rashid, 40, yang turut serta menunaikan haji akan pulang ke Malaysia pada 14 November ini.

Abdul Azeez berkata, setakat ini lebih 2,000 jemaah haji sudah pulang ke Malaysia dan penerbangan terakhir bagi musim haji kali ini ialah pada 17 November.

Sementara itu, Ghazali berkata, arwah ayahnya sepatutnya menuaikan haji pada tahun lalu tetapi disebabkan kesihatannya tidak mengizin kan, tahun ini baru arwah ke sana.

**BERNAMA**

Headline	16 jemaah haji meninggal dunia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,094



Abdul Azeez (kiri) **menyampaikan bantuan khairat kematian** kepada Ghazali di Kampung Pokok Pauh Dalam, Pokok Sena dekat Alor Setar, semalam.

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]